

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HGM 237 – Geografi Bandar Dan Metropolitan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Merujuk kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara, huraikan peranan proses globalisasi ekonomi dalam menentukan kedudukan bandaraya utama negara-negara ini dalam jaringan global bandaraya (*global network of cities*).
[25 markah]

2. Bincangkan ketepatan pernyataan berikut dalam konteks pembangunan Kuala Lumpur sejak 1980.

“Proses globalisasi merupakan punca perubahan di bandaraya dan bandaraya memudahkan proses ini”.

[25 markah]

3. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan kesan berbentuk ‘regularities’ dan ‘singularities’ proses globalisasi di bandaraya.

[25 markah]

...2/-

4. Bandaraya global adalah bandaraya yang memainkan peranan 'arah dan kawal' (**command and control**) ke atas ekonomi dunia. Bincangkan faktor penentu peranan ini di bandaraya global dan bagaimana peranan ini dilaksanakan.

[25 markah]

5. SAMA ADA

- [a] [i] Huraikan mengapa bandaraya perlu bersaing dalam era globalisasi?

[10 markah]

- [ii] Merujuk kepada kes Kuala Lumpur, bincangkan falsafah dan pendekatan strategi persaingan yang telah dan sedang dilaksanakan.

[15 markah]

ATAU

- [b] Menurut Griffiths (1998), dalam konteks persaingan bandaraya di era globalisasi "Pemasaran tempat dan keusahawanan bandar bentuk baru telah menghasilkan rupa bentuk bandaraya yang hampir sama". Bincangkan pernyataan ini. (25markah)

6. [a] Huraikan unsur penting kerangka 'desakota' McGee.
[10 markah]

- [b] Bincangkan sejauhmana 'Wilayah Metropolitan Meluas' (**Extended Metropolitan Region**) di Asia berpunca daripada integrasi bandaraya di rantau ini dengan ekonomi global.

[15 markah]

7. Jelaskan maksud pembangunan lestari (**sustainable development**) dari sudut prinsip dan dalam konteks isu-isu ruangan di bandaraya.

[25 markah]